

# **PERMOHONAN PENGESAHAN DALAM AKTIVITI RANTAIAN BEKALAN DAN PEMASARAN MAKANAN SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

## **1. Tarikh Kuatkuasa**

- 1.1. Garispanduan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021 sehingga arahan selanjutnya dikeluarkan.

## **2. Takrif Aktiviti Rantai Bekalan dan Pemasaran**

- 2.1. Membawa ikan dari punca di mana ikan didaratkan seperti di pantai, jeti, atau kompleks LKIM untuk tujuan diniagakan
- 2.2. Membawa ikan dari punca di mana ikan dikumpulkan seperti di pasar borong, gudang, kilang, pusat pengumpulan dan penyimpanan untuk tujuan diniagakan
- 2.3. Membawa peralatan sokongan untuk aktiviti penangkapan ikan yang dibenarkan
- 2.4. Perkhidmatan menghantar bekalan ikan terus yang dipesan oleh pembeli
- 2.5. Membeli ikan untuk kegunaan sendiri tidak perlu surat pengesahan

## **3. Syarat-syarat**

- 3.1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas
- 3.2. Mereka yang memiliki lesen perniagaan atau daftar syarikat yang sah, dan
- 3.3. Menjalankan perniagaan jual beli ikan, produk berkaitan ikan atau sokongan perikanan
- 3.4. Jenis-jenis Ikan atau produk berkaitan ikan:
  - i.) Ikan Basah (Segar)
  - ii.) Ikan Sejuk Beku
  - iii.) Ikan Proses (termasuk makanan berasaskan ikan)
  - iv.) Makanan Ikan Ternakan
- 3.5. Peralatan Sokongan Aktiviti Perikanan
  - i.) Perkakasan menangkap ikan seperti jaring/pukat, tali, boya dan yang berkaitan
  - ii.) Enjin dan alat ganti bot perikanan
  - iii.) Minyak pelincir untuk kegunaan bot perikanan
  - iv.) Bahan berkaitan binaan<sup>1</sup> bot perikanan

### 3.6. Jenis-jenis kenderaan

- i.) Bagi aktiviti pada (para 2.1, 2.2 dan 2.3) menggunakan kenderaan komersial. Kuantiti minima ikan yang dibawa adalah 20kg
- ii.) Bagi aktiviti pada para (2.4) menggunakan kenderaan persendirian dalam radius 10km. Tiada kuantiti minima ditetapkan
- iii.) Penghantaran tanpa kenderaan (secara berjalan kaki) tidak perlu surat pengesahan.

## 4. Proses Permohonan Surat Pengesahan

- 4.1. Syarikat/Individu yang ingin mendapatkan surat pengesahan perlulah mengemukakan permohonan ke pejabat LKIM yang berhampiran dengan mengisi **Borang A-1** yang disediakan seperti di lampiran kecuali bagi permohonan yang menggunakan kepala surat syarikat.
- 4.2. Permohonan perlu disertakan dokumen-dokumen berikut;
  - i.) Salinan kad pengenalan pemohon
  - ii.) Salinan kad pengenalan pemandu dan penumpang (jika selain pemohon)
  - iii.) Salinan daftar syarikat atau lesen perniagaan
  - iv.) Butiran kenderaan (jenis kenderaan, nombor pendaftaran)
- 4.3. Surat pengesahan yang dikeluarkan oleh LKIM adalah percuma.

## 5. Tanggungjawab pemohon

- 5.1. Pemohon perlu sepanjang masa memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan yang ditetapkan sepanjang tempoh PKP yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.
- 5.2. Memastikan bukti urusanniaga seperti resit, invois, nota jualan atau yang berkaitan untuk disimpan sebagai rujukan setiap masa.
- 5.3. Pemohon perlu memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa untuk menahan dan melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan. Individu yang diperiksa perlu mengemukakan surat pengesahan dan dokumen pengenalan diri sekiranya diminta berbuat demikian.
- 5.4. LKIM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyalahgunaan surat kebenaran oleh pemohon atau tindakan undang-undang yang dikenakan sekiranya berlaku pelanggaran peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.